SARIPATI 30 Tahun *dalam* Tasawuf

DR. MAHMOUD MRGLANI

SARIPATI 30 Tahun dalam Tasawuf

Dr. Mahmoud MrGlani

Alih Bahasa :
Rahmat Muhamad

Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Cetakan Pertama Mac 2015

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah & Editor
Rahmat Muhamad

Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Dicetak Oleh
Percetakan FDZ
Bukit Serdang, Selangor.

Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Daftar Isi

Demikianlah para ulama `amilin serta para masyaikh yang besar-besar lagi kamil itu merupakan ahlul wishol kerana hati mereka berhubung dengan hati Saiyidina wa Maulana Muhammad Nabi teragung lagi Rasul termulia.

Muqaddimah

الـحَمدُ للهِ الَّذي فَتَحَ أَبوَابَ شُهُودِهِ لِـمَن أَقبَلَ عَلَيهِ * وَمَنَحَ بِإِسعَافِ وُجُودِهِ مَن أَحسَنَ الـمَسِيرَ إِلَيهِ * أَحـمَدُهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى الَّذي طَهَّرَ أَروَاحَ الـمُرِيدِينَ لِـحَضرَتِهِ العَلِـيَّةِ * وَأَروَى سَرَائِرَ الطَّالِـبِينَ بِكُؤُوسِ مُشَاهَدَتِـهِم لِذَاتِهِ القُدسِيَّةِ *

Segala puji bagi ALLAH yang membuka segala pintu syuhudNya bagi hamba yang mengadap diri kepadaNya * Dia mengurniai pertolongan dan budiNya bagi yang dengan baik menuju kepadaNya * Ku puji-puji Dia Subhanahu wa Taala Tuhan yang Maha Raja, Maha Benar lagi Maha Terang, Dia menyucikan roh para muridin penuntut hadratNya yang tinggi * Dia melegakan dahaga bagi yang meminta kepadaNya dengan gelas-gelas musyahadah mereka kepada ZatNya yang kudus *

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى مَظهَرِ تَـجَلِّيَاتِهِ وَمُـجلِي أَنوَارِ

حَضَرَاتِهِ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ صَادِقِ الوَعْدِ الأَمِينِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ * وَعَلَى جَمِيعِ الآلِ وَالأَصحَابِ وَسَائِرِ الأَتْبَاعِ وَالأَحبَابِ مِنَ المُحِبِّينَ وَالمَحبُوبِينَ * أَمَّا بَعدُ

Selawat dan salam ke atas junjungan yang menjadi penzahiran bagi tajalliNya lagi yang menampakkan cahaya-cahaya hadratNya * bagindalah Saiyidina wa Maulana Muhammad yang benar janjinya lagi amanah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ * Juga ke atas para junjungan kami Ahli Baitnya yang suci, para junjungan kami isteri-isteri Baginda yang merupakan bonda-bonda kami para Ummahatul Mukminin, para junjungan kami seluruh sahabatnya dan semua yang mengikut Baginda serta semua yang mengasihi dari kalangan yang dicintai dan yang mencintai * Amma ba'du :

Sesungguhnya antara sebesar-besar nikmat ALLAH Taala ke atas para hambaNya ialah apabila Dia menghidayati mereka kepada apa yang dapat mendampingkan diri mereka denganNya Subhanahu wa Taala. Juga apabila dia mentaufikkan mereka kepada apa yang dapat mengangkat dari mata hati mereka segala tutupan hijab yang menghalang mereka dari muroqobah kibriya' dan jalal ALLAH Subhanahu wa Taala, juga musyahadah akan segala nur seri dan keindahanNya Subhanahu wa Taala yang mana ini semua merupakan puncak dari pendakian kebahagiaan dan hujung dari tangga-tangga pertuanan.

ALLAH Subhanahu wa Taala maha mengurnia budiNya lalu dia menjadikan ada di tiap zaman para imam, masyaikh kamil dan alim ulama' yang amilin para penyeru manusia ke jalan menuju ALLAH dan untuk masuk mengadap kepada segala hadratNya dan sampai kepadaNya dengan tanpa bagaimana, tanpa bentuk dan tanpa ukuran.

Mereka[1] menerangkan kepada manusia selok-belok jalan dan perjalanan yang caranya ialah dengan menyucikan nafsu insan dan memurnikan akhlaknya. Dengan amat loba mereka mendorong umat manusia untuk makin bergantung dan mahabbah kepada Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ serta mujahadah dalam mentahqiq[2] akhlak baik dan makarimul akhlak. Mereka menjadi penggalak umat manusia untuk mendatangi ALLAH Subhanahu wa Taala.

Mereka membangkit semangat dalam hati insan untuk tawajjuh[3] kepada ALLAH dan menjauhi segala apa yang menjadi penghalang hubungan kepada ALLAH Azza wa Jalla. Mereka menyemai dalam hati manusia semangat cintakan ALLAH dan RasulNya, mereka menyemarakkan rasa rindu insan untuk berpegang teguh kepada tali agamanya yang kukuh dan tegap berdiri di atas perjalanan agamanya nan lurus. Demikian itulah hingga hati para penuntut

1 - para imam agama, syeikh kamil dan ulama'ul `amilin.
2 - merealisasikan
3 -menghadapkan jiwa raga.

bimbingan itu tercelup dengan celupan warna dari ALLAH جَلَّ شَأْنُهُ dan lagi tercap pada roh mereka mahabbah ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. Lalu beruntunglah dia beroleh kesempurnaan imannya lagi berseronok-seronok dia di taman-taman kemuliaan dan ihsannya. Di dunia jaya dengan kesempurnaan pertuanan dan di Akhirat jaya pula dengan penutup kebahagiaan.

فَأَمَّا الَذِينَ آمَنُوا وَعَمِلوا الصَالِـحَاتِ فَيُدْخِلُهُمْ رَبُّـهُمْ فِي رَحْـمَتِهِ ذَلِكَ هوَ الْفَوْز الْـمُبِينُ.

"Adapun bagi mereka yang beriman dan beramal soleh nescaya ALLAH akan memasukkan mereka ke dalam rahmatNya dan itulah kejayaan yang nyata" - Al-Jatsiyah : 30

Dan para masyaikh yang kamil serta imam-imam ahli kewarisan penuntun manusia kepada ALLAH Subhanahu wa Taala tetaplah mereka berterusan menjadi gugusan suria yang tersiar darinya pancaran hidayah, tetaplah mereka sebagai samudera yang mengalirkan keinginan di dalam segala hati untuk berdatangan kepada ALLAH Subhanahu wa Taala. Tetaplah mereka menjadi sebab-sebab yang dengannya dapat diangkat berbagai hijab yang menghalang hamba dari memandang segala sirr Al-Haq dan musyahadah[4] akan cahayaNya.

4 - penyaksian jiwa/rohani.

Demikianlah para ulama `amilin serta para masyaikh yang besar-besar lagi kamil itu merupakan ahlul wishol[5] kerana hati mereka berhubung dengan hati Saiyidina wa Maulana Muhammad Nabi teragung lagi Rasul termulia. Mereka adalah golongan yang paling cemburu terhadap jalan tareqat menuju ALLAH. Merekalah yang paling loba mahu meninggikan kedudukan jalan ini. Azam merekalah yang paling kuat dan hemah merekalah yang paling tinggi dalam mempertahankan jalan tareqat dari tiap yang mahu menyerang dan menyakitinya. Sesungguhnya ALLAH Taala telah menolong dan membantu mereka. Pekerjaan mereka itu dimenangkan ALLAH dan didokongNya.

Dan demikianlah jalan tarekat ini sudah menempuh perjalanan masa hingga tiang-tiangnya merekah pecah, sangga dan kuda-kudanya roboh, segala hakikatnya sirna dari manusia ramai. Yang tinggal hanya puing-puingnya, hanya acuan kata-kata yang dibualkan oleh mereka yang bernisbah kepadanya tapi sama sekali tidak dari hakikat jalan tareqat yang menyampaikan kepada ALLAH. Sesungguhnya para ulama `amilin dan masyaikh yang kamil telah memperjuangkan jalan tareqat ini dengan sepenuh kesungguhan, tenaga, harta dan mengorbankan semua yang mahal dan berharga demi kerananya -semoga ALLAH meredhoi mereka dan mencapaikan keredhoan buat mereka

5 - mereka yang punya hubungan rohani dengan ALLAH dan RasulNya صلى الله عليه وسلم.

dan semoga ALLAH mengurniai kita kemanfaatan mereka semua-.

Sudah menjadi ketetapan ALLAH Jalla Jalaluh pada makhluk ciptaanNya bahaw di tiap zaman itu ada para tokohnya dari kalangan Ahlillah yang berbagai daerah, tugas dan pekerjaannya. Pekerjaan utama mereka ialah meninggikan kembali apa yang direndahkan oleh kebatilan dalam segala gambaran dan bentuknya, menghidup semula apa yang dimatikan oleh kerosakan yang dilakukan oleh golongan maghdhubi `alaihim serta dhollin. Dan tetaplah ada golongan :

مِنَ الـمُؤمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُم مَن قَضَى نَحْبَه وَمِنْ هم مَن يَنتَظِرُ وَمَا بَدَلُوا تَبدِيلاً.

"Dari kalangan mukminin itu ada para rijal yang tulus menunaikan apa yang telah mereka janjikan kepada ALLAH; maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah janji barang sedikit pun." - Al-Ahzab : 23

Warisan ini berpindah tangan dari seorang kepada yang lain tika pemegangnya menyahut seru Ar-Rafiqul A'la meninggalkan negeri fana pergi ke negeri baqa -moga ALLAH meredhoi mereka semua-.

Sudah menjadi adat tiap Syeikh Kamil memberi waris dan izin menjadi guru mursyid kepada khalifah (pengganti)nya sebelum beliau meninggal dunia. Memang ada juga yang tidak mewariskan tetapi itu nadir dan tidak dapat dijadikan hukum. Syeikh Kamil akan mengulang-ulang izin kepada khalifahnya dengan berbagai bentuk secara terus terang dan bahasa berkias berdasarkan apa yang dapat diterima oleh warga zaman, tempat, keluarga, kaum kerabat serta muridin[6] dan muridat[7]. Kerana seorang Syeikh kamil itu memberi infaq dari pintu rahmat, kelembutan, cinta, simpati, kasih dan ihsan.

Demikianlah sesungguhnya ALLAH Tabaroka wa Taala telah mengurnia nikmatNya ke atas ramai kalangan manusia dengan menjadikan mereka berkeinginan untuk berpegang kepada jalan tareqat ini serta masuk mendisiplin diri dalam ikatan kumpulan sufi. Bertambah-tambahlah kepujian, rasa terhutang budi dan syukur hamba kepada ALLAH.

Adapun sebab aku menghimpun kitab ini ialah kerana Saiyidina dan sanad kami As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani telah memerintahkan aku menulis sebuah kitab serta menuang di dalamnya apa yang telah ku pelajari dan ku saksikan sendiri dari berbagai suka-duka mengkhidmati beliau sekitar perjalanan lebih 30 tahun.

---

6 - murid-murid lelaki.
7 - murid-murid perempuan.

إِنَّ اللهَ اشْتَـرَى مِنَ الـمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُم وَأَموَالَـهُم بِأَنَّ لَـهُمُ الـجَنَّةُ.

"Sesungguhnya ALLAH telah membeli mereka yang beriman akan jiwa raga mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga..." - At-Taubah : 111

Hadrat beliau seorang yang sabar dan penyabar terhadapku, menutup kelemahanku, menyantuniku dan berbudi kepadaku. Banyak kali aku jatuh tersembam ke mukaku, jatuh terhantuk kepalaku dan jatuh terlentang ke belakangku. Pada setiap kali itu Sidna yang mulia dengan penuh kasih membimbing tanganku, memberi dorongan kepadaku dan membetulkan aku dari kegelinciranku yang banyak; keujubanku terhadap diriku, cinta pangkat kedudukan, buruk sangka, masuk campur pada perkara yang tiada kena mengena denganku, ingkar, tidak menyerah diri, tidak tasdiq dan kemudian suka mahu menjadi syeikh sedangkan diriku teramat jauh dari menjadi seorang murid atau seorang pecinta.

Ditambah lagi dengan kurangnya kemahiran, bahkan sebenarnya langsung tiada kebolehanku dalam soal menulis dan mengarang, tiadanya perbekalanku dalam ilmu dan amal lagi aku ini menginding-nginding kepada semua Ahlillah pada mahabbah dan adab

mereka. Inilah segala yang ku tulis di sini sana adalah nukilan dan ambilan dari mereka. Mereka adalah ahli sanadku, sandaran kemuliaanku, pertolonganku dan tiadalah bagiku si abdi yang faqir, dhaif, ketiadaan, lemah dan hina ini melainkan menghimpun dan menyebarkan ilmu-ilmu itu.

Sudah ku cari di sana sini akan risalah atau kitab yang dapat membantuku buat menolong insan yang tidak dapat aku melainkan segera masuk mengerjakan suruhan dan menyelesaikan permintaannya

يَقُولُوا سَمِعنَا وَأَطَعنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الـمُفلِحُونَ.

"...mereka berkata : Kami dengar dan kami taat! Dan merekalah golongan yang berjaya" - An-Nur : 51

Lalu terjumpalah aku satu risalah yang banyak faedah dan agung pekerjaannya di medan-medan tarbiyyah[8] dan tazkiyyah[9] berjudul :

مِصبَاحُ الأَروَاحِ فِي سُلُوكِ طَرِيقِ الفَتَّاحِ

Pelita Arwah Dalam Menempuh Jalan Menuju ALLAH Yang Maha Fattah

8 - pendidikan jiwa.
9 - pemurnian hati.

karya **Sidi Ahmad Abul Wafa' Ibnu Sidi Ahmad As-Syarqawi Al-Misri**. Kitab ini telah berlalu masa percetakannya lebih seratus tahun dan sekarang telah berada di capaian internet. Terima kasih tidak terhingga bagi yang telah memuat naik kitab ini dalam internet juga bagi yang menulisnya. Nampak padaku seolah-olah karya ini bicara dengan lisanul hal[10] Sidna As-Syeikh Abdun Nasir.

Aku pun mengambil faedah sepenuhnya dari karya yang menjadi hampir keseluruhan materi buku ini. Aku telah cuba untuk menggarapnya dengan bahasa zaman sekarang, zaman yang kasihan lagi tewas dengan hal sendiri di tiap sudut baik dalaman mahupun luaran. Di samping itu aku menambahkan apa yang tidak boleh tidak demi mendekatkan kefahaman dan menggilap makna yang ku anggap ianya menceritakan pengalaman hidupku dalam perjalanan menuju ALLAH.

---

10 - hal keadaan dan tingkah laku, lawannya *lisanul maqal* ertinya lidah yang bercakap.

Pertama

Pengertian Jalan Tareqat Kaum Sufi

Sidna رَضِيَ اللَّهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ berkata :

Apabila ku lihat kerosakan telah masuk bergaul ke dalam hati para penuntut jalan ini, ghaflah dan kealpaan mengalir dalam jiwa hingga melupakan mereka dari ALLAH yang Maha Tahu segala yang ghaib. Penyakit berpaling dari ALLAH جَلَّ شَأنه menyelinap masuk ke dalam diri mereka lalu mereka teguk minuman yang menghadang mereka dari ALLAH. Dengan seluruh anggota tubuh mereka bergelimang dalam kejauhan daripada hadrat ALLAH Yang Maha Kudus hingga jadilah segala pancaindera mereka hijab-hijab yang menghadang mereka dari ALLAH. Itu menyebabkan seorang hamba terputus daripada musyahadah memandang ALLAH Subhanahu wa Taala.
إِنَّا لِلهِ وَإِنَّا إِلَيهِ رَاجِعُون.

Telah umumlah segala musibah dan bala ini kepada manusia. Sudah besarlah bencana segala kesusahannya ke atas mereka. Wala hawla wala quwwata illa billahil `aliyyil `azhim. Begitu keadaannya lalu bagaimana mungkin penyeru kebaikan dan petunjuk melaung seruan di menara kerosakan dan kesesatan?! Mana mungkin

penyeru kedekatan dan dampingan melaung seruan jika menaranya putus hubungan dan kejauhan?!

Aku juga melihat bahawa mereka perlu kepada ilmu-ilmu yang patut mereka ada agar mereka tahu hakikat jalan tareqat ini yang kami serukan kepada mereka beserta janji setia yang kami ambil dari mereka untuk berpegang teguh dengannya. Aku dapati mereka perlu kepada pengetahuan tentang segala kewajiban dan kemestian yang wajib mereka laksanakan dari segala akhlak dan adab apabila mereka sudah mengambil janji setia ini.

Majoriti mereka -kalaupun tidak semua- tidak tahu apa makna jalan tareqat melainkan kalam yang namanya wirid dan hizb lalu dibaca lidah mereka. Mereka cuma menisbahkan diri dengan mulut mereka kepada siapa yang mereka ambil wirid-wirid itu. Yang demikian adalah puncak kejahilan terhadap jalan tareqat.

Hingga jadilah mereka yang menisbah diri kepada jalan tareqat dalam keadaan jauh daripada menerima zauq[11] kelazatan menuntut ALLAH Subhanahu wa Taala, juga jauh dari sumber-sumber kurniaan Tuhan yang maha memberi nikmat dan mengutamakan mereka.

Itulah perkara yang menyeret hingga aku menyuruh agar risalah ini dikarang. Supaya dengannya para

11 - rasa hati.

murid mendapat pencerahan dari bimbingannya. Agar dengannya para sodiqun[12] dapat mengambil petunjuk dalam memperjalani jalan tareqat kami ini.

Risalah ini ku beri nama :

فَفِرُّوا إِلَى اللهِ

Larilah Kepada ALLAH

dan ku pohon kepadaNya Subhanahu wa Taala agar menjadikan ia bermanfaat dan tulus semata-mata demi wajahNya yang Maha Mulia. Semoga ALLAH menjadikannya sebagai satu sebab untuk berpegang kepada laluanNya yang lurus dan jalanNya nan teguh. Kepada ALLAH jua aku berlepas diri dari daya dan kekuatanku, kepadaNya aku bersandar serta denganNya aku minta tolong dan tawakkal.

Ketahuilah wahai murid bahawa jalan tareqat kaum Sufi atau juga namanya jalan menuju ALLAH adalah berpegang teguh kepada segala amalan dan ahwal yang apabila ia dikerjakan berterusan akan menjadikan hati tidak lagi sibuk selain dengan ALLAH dan akan membuat ia tidak lagi memandang selain kepada ALLAH.

Dengan cahaya pergantungannya kepada ALLAH Al-Haq dan kesibukannya kepada ALLAH dari

---

12 - sodiqun atau sodiqin kalimat jamak dari kata tunggal sodiq, ertinya ahli ketulusan jiwa.

selainNya layaklah dia untuk berterusan musyahadah kepada ALLAH dan menilik kepada cahaya ALLAH yang dia ibadah kepadaNya.

Amalan dan ahwal yang disebutkan tadi tidak mungkin akan dapat menghasilkan yang demikian melainkan jika ia datang daripada jalan Syariat yang suci lagi mulia. Kerana sesungguhnya seluruh makhluk itu terhijab -kalau dengan sekadar akalnya- untuk mencapai apa yang dapat menyampaikan mereka kepada ALLAH. Mereka tertegah dari sampai kepada ALLAH Subhanahu wa Taala melainkan melalui pintu-pintu yang ALLAH buka untuk para makhlukNya dan ALLAH jadikan ia sebagai jalan-jalan bagi mereka yang mahu sampai kepadaNya. Kerana hadrat ALLAH itu Maha Suci lagi Maha Tinggi, hadratNya maha terbenteng dan tidak tertembus. Pintu-pintu yang dibukaNya itu merupakan segala amalan yang ALLAH perintahkan kepada para hambaNya dan ALLAH pilih amalan-amalan itu sebagai jalan untuk hamba mendamping diri kepada hadratNya.

Dan sedia maklum bahawa segala jalan serta amalan itu tidak mungkin dapat diketahui melainkan dari SyariatNya dan agamaNya nan elok. Segala yang dituntut dan yang disuruh oleh jalan Syariat itulah yang disukai dan dicintai oleh ALLAH Subhanahu wa Taala. Itulah dia jalan yang dapat ditempuh untuk sampai kepada ALLAH Subhanahu wa Taala. Dengan

melakukan segala suruhan jalan itu akan terhasillah dampingan kepada ALLAH Subhanahu wa Taala dan segala apa yang haram serta yang tidak disukai oleh jalan Syariat nescaya itu tidakkan memungkinkan seorang hamba mendekat diri dengannya kepada ALLAH.

Memang tidak tergambar oleh akal fikiran bagaimana seorang hamba dapat masuk mengadap ALLAH selain melalui pintu-pintuNya. Bagaimanakah kan terbayang seorang hamba yang mengotori diri melalui jalan yang dilarang akan dapat sampai kepada ALLAH sedang Dia telah melarangnya mendekati jalan kotor itu? Sesungguhnya ALLAH Subhanahu wa Taala telah mengkhabarkan -dan ALLAH adalah Pengkhabar paling jujur- bahawa siapa yang yang menyeleweng dan menjauhkan diri dari jalan SyariatNya pastilah penghujungnya buruk… itu telah melemparkan dia jauh dari ALLAH Subhanahu wa Taala.

Sesudah itu semua maka tidak mungkin berhasil mendapat dampingan kepada ALLAH Subhanahu wa Taala melalui jalan yang ALLAH jadikan ia sebab kejauhan dan pemutus hubungan dengan ALLAH Taala. Kerana itu ertinya melawan ALLAH sedangkan ALLAH Subhanahu wa Taala itu tidak dapat dikalahkan oleh apa sekalipun dan ALLAH Maha Mengalahkan segalanya.

Maka sudah zahirlah bagimu bahawa setiap perkara yang tiada pada jalan syariat secara nas yang terang, atau bahasa berkias, atau secara keseluruhan dan juga segala bid`ah yang menyalahi jalan syariat mustahillah ia menjadi jalan menuju ALLAH Al-Haq Subhanallahu Taala. Dan lagi tidak mungkin dengan mengamalkan jalan-jalan yang menyalahi itu akan mendampingkan diri kepada ALLAH Subhanallahu Taala.

Tiap penyeru yang mengajak masyarakat kepada jalan bid`ah yang bersalahan dengan agama yang teguh dari ALLAH ini, maka penyeru ini sesungguhnya telah menyeru mereka menjauhi ALLAH subhanallahu Taala. Penyeru ini mendekatkan mereka kepada syaitan yang direjam dan menjerumuskan mereka ke dalam syirik hawa nafsu, maka baginya kehinaan dunia dan di Akhirat dia kan beroleh azab yang besar.

Pintu-pintu yang dibukaNya itu merupakan segala amalan yang ALLAH perintahkan kepada para hambaNya dan ALLAH pilih amalan-amalan itu sebagai jalan untuk hamba mendamping diri kepada hadratNya.

Kedua

Erti Menempuh Jalan Menuju ALLAH Taala

Tujuan Amalan Wirid Dan Hizb

Ada pun makna kembara menuju ALLAH Al-Haq di sisi ahli jalan tareqat ini -moga ALLAH meredhoi mereka- ialah memurnikan hati dari menyibuki ahwal alam ini dan dari bergantung kepada alam ini serta menyucikan hati dari kotoran bergelumang dengannya dan mengosongkan hati dari sibuk dengannya hingga lupa ALLAH Taala.

Adapun roh itu lemah tidak dapat melepas diri dari ikatan-ikatan segala kesibukan itu kerana terlalu banyak dan kuatnya ia dan bertompok-tompok halangannya sehingga menjadikan roh kalau dengan berseorangan tidakkan mampu melepas diri dari segala kekangan tadi.

Jika bersendirian roh tidak kuat untuk keluar dari penjaranya. Maka oleh itu para masyaikh dan ulama `amilin kalangan Sufi telah memilih daripada jenis-jenis ibadah yang di tuntut oleh syarak wirid-wirid ini yang mereka lazimkan untuk diamal oleh para murid mereka. Mereka mewajibkan para murid untuk menyibukkan lidah dan anggota tubuh dengan wirid-wirid itu supaya ia menjadi kesibukan mereka

dalam tawajjuh kepada ALLAH Subhanahu wa Taala sebagai ganti dari kesibukan segala alam ini. Dengan itu jadilah wirid-wirid ini antara sepenting-penting dasar dalam jalan tareqat dan sebesar-besar rukun di dalamnya. Wirid-wirid ini merupakan tunggangan yang menjadi kenderaan buat menempuh liku-liku perjalanan ini.

Tidaklah seorang murid itu akan mencapai kebaikan melainkan dengan dia berpegang teguh mengamal wirid-wirid ini secara berterusan. Dia tidak akan mendapat apa-apa bahagian dari jalan tareqat ini melainkan dengan berdiri mengerjakan wirid-wirid itu, berkawan dan bersekutu dengannya. Kerana sesungguhnya wirid-wirid jalan tareqat merupakan sumber-sumber dampingan dan madad[13], tempat terbit pertolongan dan kebahagiaan.

Maka ayuhai mereka yang menisbahkan diri kepada jalan tareqat sekadar dengan mulutnya saja, wahai yang menyertai tareqat hanya dengan dakwaan kata, bagaimanakah kamu sekarang ini berpaling daripada asal kebaikkan dan berleka-leka darinya?! Bagimana kamu lari dari jalan kebajikan dan menjauhkan diri darinya?!

Betapa kamu telah melampau dan meninggalkan perkara ini. Betapa kamu telah menjauhi kebaikan ini dan memulaukannya. Sedangkan bila-bila kamu tidak mengerjakan wirid-wirid ini itulah yang telah

13 - pertolongan rohani.

menjadi asal kejauhan dan terhalangnya kamu. Apabila mengabaikan amalan wirid itu menjadi sebab kamu tertegah dan dikucilkan. Maka hendaklah kamu bersegera untuk menunaikannya kerana itulah jalan kejayaan. Bangkitlah dengan ALLAH dalam mengerjakannya kerana itu adalah jalan kemenangan dan keberuntungan.

Dan ketahuilah bahawa gembira menikmati musyahadah dan berlazat-lazat mencapai wusul[14] kepada hadrat ALLAH yang Maha Satu lagi maha disembah itu adalah mustahil akan berhasil di negeri dunia dengan suatu anggota tubuh kerana musyahadah dan wusul itu tidakkan dapat dicapai dengan pancaindera deria rasa. Sememangnya pancaindera makhluk hanya dapat merasa apa yang sama-sama bersifat makhluk sepertinya. ALLAH Subhanahu wa Taala Maha Suci lagi Maha Kudus dari yang demikian. Akan tetapi roh manusialah yang dikhususkan mendapat nikmat agung tersebut dan boleh mencapai maqam yang tinggi lagi mulia ini.

Sedia diketahui bahawa hijab-hijab yang menghalang dari tercapainya nikmat ini adalah perkara-perkara maknawi. Iaitu apabila hamba sibuk dengan selain ALLAH, menumpu perhatian kepada selain ALLAH dan akhirnya dia ditimpa musibah berpaling dari ALLAH Taala. Maka untuk menghilangkan perkara-perkara maknawi tadi tidak

14 - makna literalnya sampai atau pencapaian.

boleh tiada mesti dilakukan gerak kerja roh bagi membuang dan merawatnya hingga hilang beban yang ditanggungnya.

Kerana sudah pasti tiap orang berakal tahu gerakan lidah dan perbuatan jasad lahir tidak akan memberi apa-apa kesan terhadap perkara-perkara yang maknawi tadi lagi tidak dapat walau sedikit pun menghilangkannya. Bahkan yang benar adalah untuk roh bebas dari semua itu ia perlu lari dari penjaranya dan perlu menanggung derita untuk meninggalkannya dengan cara mendatangi ALLAH Subhanahu wa Taala, merenungiNya dan sentiasa berkehendak kepada dampinganNya.

Dengan itu jika anggota badan sibuk mengerjakan segala rukun tareqat dan wirid-wiridnya akan tetapi roh dalam diri tidak tawajjuh (menuju ALLAH) maka itu tidak berfaedah untuk menyucikan hati dari segala kotoran. Itu tidakkan berhasil mengangkat segala halangan. Siapa yang sudah merasa cukup pada jalan tareqat dengan hanya menyibukkan lidah dan anggota badannya sedangkan rohnya dipalingkan dari mengadap Tuhan yang menciptakannya maka inilah dia orang yang malang, terhalang, dijauhkan lagi dicela.

Soal tawajjuh roh yang tidak akan berlaku kembara menuju ALLAH melainkan dengannya telah diungkap oleh para masyaikh kamil -moga ALLAH

meredhoi mereka dan mencapaikan keredhoan buat mereka- dengan kata-kata yang tinggi lagi mendalam. Mereka menyebut perkara ini masing-masing dengan pencapaian hemah, makrifat dan maqam serta izin untuk mengutarakannya.

Tidaklah seorang murid itu akan mencapai kebaikan melainkan dengan dia berpegang teguh mengamal wirid-wirid secara berterusan. Dia tidak akan mendapat apa-apa bahagian dari jalan tareqat ini melainkan dengan berdiri mengerjakan wirid-wirid itu, berkawan dan bersekutu dengannya.

Murid disuruh untuk mengerjakan wirid-wirid dengan maksud apabila mengerjakan wirid-wirid itu, dia mahu mencapai keredhoaan ALLAH. Dengan mengerjakannya dia menyibukkan diri dengan sesuatu yang dicintai ALLAH.

Ketiga

Kaifiat Dan Adab Membaca Wirid

Memang tidak ragu lagi bahawa seorang murid tidak boleh dipertanggungjawab untuk mengerjakan ahwal para arifin. Sudah tertentu bahawa amalan para rijal tidak dapat dikerjakan oleh kanak-kanak. Boleh jadi apabila murid dipikulkan pekerjaan yang demikian akan menyebabkan hemahnya jadi lemah kerana dia melihat jauhnya pekerjaan itu dan payahnya dia dari mencapainya.

Akan tetapi murid disuruh untuk mengerjakan wirid-wirid itu dengan maksud apabila mengerjakannya dia mahu mencapai keredhoaan ALLAH, dengan mengerjakannya dia menyibukkan diri dengan sesuatu yang dicintai ALLAH sambil memohon kepadaNya agar menyelamatkan dirinya dari segala yang melupakan hadrat ALLAH dengan iktiqad bahawa ALLAH menilik dia pada segalanya, Maha Alim terhadap zahir dan batinnya, dia sentiasa melihat kefakiran dirinya kepada ALLAH dalam setiap ahwal, dia minta tolong kepada ALLAH agar dapat sentiasa menumpu dan tawajjuh kepadaNya. Dia sentiasa berkeadaan begitu dalam masa membaca wirid dan hizbnya.

Dan wajiblah dia memerhatikan makna wirid-wirid itu sekadar yang termampu dilakukannya dan tika membacanya itu dia meluahkan bacaan dari hatinya seolah-olah segala doa dan permintaan yang ada dalam wirid-wirid itu terbit dari dirinya, bukan sebagai orang yang sekadar membaca kalam orang lain. Itu hendaklah dijaga dalam semua wirid-wiridnya. Apa yang kami sebutkan ini adalah sesuatu yang dapat dikerjakan oleh setiap murid yang ada pada dirinya sedikit sifat menuntut ALLAH Al-Haq Subhanahu wa Taala. Barangsiapa yang was-was dalam dirinya mengatakan itu susah nak dilakukan maka ketahuilah bahawa dirinya tidak sedikit pun mahu menuntut ALLAH dan sebenarnya dia terhalang dari jalan tareqat ini.

Dapat kau lihat di antara bala yang merata dan musibah besar ialah kebanyakan murid baik hafazan wiridnya. Apabila dia mahu membacanya lidahnya lancar saja menyebut segala huruf dan lafaz wirid tapi hatinya berpaling dan bermain-main jauh dari mengingat ALLAH. Sibuk dengan selain ALLAH. Boleh jadi yang membaca itu tidak merasakan lafaz-lafaz wirid itu apatah lagi maknanya, yang berlaku Cuma dia melafazkan wirid dengan suaranya. Bahkan boleh jadi memang dia pun tidak terasa membaca wirid langsung dan tahu-tahu dia sudah menghabiskan bilangan terakhir wirid atau zikirnya.

Pun begitu mereka menyangka diri mereka dari golongan murid penuju ALLAH Subhanahu wa Taala, mereka sangka mereka termasuk para penuntut dampingan dan redho ALLAH yang berdiri di pintu-pintu budi dan ihsanNya. Sama sekali mustahil bahawa hadrat kemuliaan dan kibriya'[15] ALLAH dihina sebegitu rupa hingga orang yang tidak berkehendak kepada hadratNya dapat sampai, dihina sebegitu rupakah hadrat ALLAH untuk mengejar-ngejar orang yang berpaling darinya dan tidak memperdulikannya.

Dan lagi antara keajaiban yang dapat kau lihat ialah orang yang seperti ini dengan senang hati dan pemurahnya menumpukan fikiran dan hatinya kepada perkara yang tidak memberi faedah kepadanya pada dunia dan Akhiratnya bahkan boleh jadi memberi mudharat dunia Akhirat. Dapat kau lihat dia berlazat-lazat menghabiskan seluruh waktunya untuk hal-hal yang begitu. Tapi dia amat bakhil pula untuk menumpukan hatinya barang sedetik kepada hadrat Tuhannya Azza wa Jalla, amat berat nak menghadapkan rohnya untuk mentaati Tuhan lagi amat sulit baginya nak memberi waktu untuk urusan ini.

Lalu apakah mereka para murid yang sodiqin (sejati) ?! Iya… para murid tapi pada menuntut kejauhan dan halangan dari ALLAH. Sejati tapi pada tunduk dengan kehendak nafsu dan mentaati syaitan

---

15 - kemegahan.

mereka. Apakah yang mereka kerjakan itu tujuan dari amalan wirid?! Sama sekali tidak… bahkan tujuan dari wirid itu adalah anggota badan menolong hati dalam mengadapkan diri kepada ALLAH Taala, maka apabila wirid tiada ciri yang disebutkan ini tiadalah faedahnya dalam proses penyucian hati dari segala yang menyibukkan, juga tidak berperanan untuk mencerahkannya dengan cahaya musyahadah kepada ALLAH Subhanahu wa Taala walau pun seluruh anggota badannya mengerjakan ibadat penghuni langit dan bumi.

Benar… tidak patut meninggalkan amalan wirid dan tidak boleh mengabaikannya walaupun dalam membacanya hati tidak hadir. Kerana walaupun hanya satu anggota badan mengerjakan ibadat sedangkan hatinya dan segala anggota yang lain meninggalkannya itu lebih baik dari seluruh anggota tidak mengerjakannya dan lebih baik dari hati dan seluruh anggota lain mengerjakan selainnya. Kerana dengan berkat meneruskan amalan wirid murid akan jadi tambah baik halnya dan Insya ALLAH penghujungnya akan jadi indah. Cuma berhaklah bagimu ayuhai yang terhalang dari buah-buahan itu dan terlepas engkau dari beroleh segala lathifah[16] kurniaan untuk mengeluh kesal terhadap dirimu. Mati beragan engkau dek kerna tersia-sianya peluang beroleh gembira dan kemesraan. Bahkan berhaklah

16 - kelembutan.

bagimu untuk lebur hati dengan curahan air mata, esakan, kesedihan dan kerugian.

Bagaimana tidak patut kau begitu; engkau sekutu kejauhan dan halangan, terdampar di lembah tahanan dan pemulauan, hatimu mati dibunuh panah putus hubungan, rohmu jauh dari pesisiran rahmat nan tiada sempadan. Hendaklah engkau bersegera saudaraku dan selamatkanlah keadaanmu kerana demi ALLAH ia perkara besar. Renungilah keadaanmu kerana musibahmu tidak terhingga.

Nafsumu makin jauh memalingkan dirimu, ia bersedap-sedap dengan segala wabak dan penyakitnya sedang engkau pula tidak peduli untuk menghadapkannya kepada ALLAH Tuhanmu, engkau lambat dari menariknya kepada menuju yang Maha Mencipta dan Maha Menjadikanmu.

Maka hendaklah engkau mengambil berat dan menjaga amalan wirid duhai saudaraku. Peliharalah baik kelakuan dalam mengerjakannya dan kerjakanlah ia dengan kaifiat yang dituntut oleh ahli jalan tareqat yang mana mereka telah mensyaratkan cara-cara tertentu dalam menunaikannya. Hendaklah kamu mengerjakan amalan wirid dengan menghargainya. Hendaklah engkau melihat bahawa ia merupakan amalan penting yang mesti didahulukan atas tiap pekerjaan. Hendaklah engkau melazimi adab selepas mengerjakannya. Dengan ini diharapkan -Insya

ALLAH- engkau dapat melatih nafsumu untuk mengadap Tuhanmu Azza wa Jalla. Jika tidak begitu kami cuma dapat mentakziahimu kepada ALLAH.

Tidaklah mengapa jikalau murid mahu bercakap-cakap ketika dia mengerjakan wirid jika percakapannya itu satu keperluan terhadap maslahat atau urusan biasanya seperti menyantuni tetamu dan memasukkan kegembiraan dalam hati orang Muslim melalui kata-kata yang baik. Dalam pada itu hendaklah dia memerhatikan bahawa percakapannya itu dari yang disukai ALLAH dan diredhoiNya supaya dengan niat ini jadilah perkataannya umpama wirid jua. Awaslah jangan sampai perkataannya jadi lagho dan berlebih-lebihan dari keperluan maslahat kerana yang demikian ertinya menyibukkan diri dengan selain Tuhan جَلَّ شَأْنُه yang mana ia merupakan sebesar-besar keaiban murid lagi seburuk-buruk kekurangan penuntut. Bahkan ia mewajibkan dia dipadam namanya dari daftar penuntut hadrat ilahiyyah. Ia menjadikan dia tertegah dari kembara menuju musyahadah cahaya-cahaya ALLAH yang cemerlang.

Patut juga diambil perhatian dan ditilik dengan saksama dalam mengerjakan wirid itu hendaklah lafaz-lafaznya dibaca dengan soheh. Dibaca sesuai dengan hukum syarak pada bacaannya; yang mad dipanjangkan, yang qasr dipendekkan, yang ghunnah didengungkan dan setiap kalimat perlulah disempurnakan hak bacaannya. Jika hukum-hukum

bacaan dicacatkan akan menyebabkan bacaan itu tidak diiktiraf syarak dan menjadikan ia tidak berpahala.

Di kalangan warga tareqat sudah merebak penyakit ini; dapat kau lihat mereka membaca kalimat-kalimat wirid dengan cacat cela pada hukum bacaannya. Sedangkan sudah sedia maklum bahawa wirid-wirid itu merupakan himpunan dari ayat-ayat Al-Quran, hadis-hadis Nabawi dan doa-doa yang terkandung di dalamnya nama-nama ALLAH Taala. Nas-nas syarak telah mengharamkan membaca dengan salah pada ketiga-tiga bahagian ini. Maka jaga-jagalah wahai murid terhadap bahaya ini dan hendaklah kamu peka jangan terjerumus kepada celahan dan kebinasaan ini. Semoga ALLAH memberi petunjuk kepadamu dan memesongkan darimu kesibukan nafsu dan hawamu.

Maka hendaklah engkau mengambil berat dan menjaga amalan wirid duhai saudaraku. Peliharalah baik kelakuan dalam mengerjakannya dan kerjakanlah ia dengan kaifiat yang dituntut oleh ahli jalan tareqat yang mana mereka telah mensyaratkan cara-cara tertentu dalam menunaikannya.

Sudah menjadi
ketetapan dalam kehendak ALLAH
Al-Haq Subhanahu wa Taala
bahawa ikatan sesama roh dengan
roh akan mewajibkan berlakunya
pengaliran sifat dan berpindah
perangai yang ada sesamanya.
Dapat kau lihat dua orang kawan jika
sempurna mahabbah dan kuat ikatan
antara keduanya nescaya kecenderungan
dan tabiat mereka akan sama dan nafsu
mereka jadi serupa.

Keempat

Keperluan Berguru Kepada Syeikh Yang Kamil

Ketahuilah bahwa segala macam kesibukan dari ALLAH, faktor yang mengajak kepada berpaling dariNya dan keterikan kepada segala macam perkara yang menarik nafsu kepada selainNya Subhanahu wa Taala itu berbagai-bagai asalnya dan bermacam-macam cabangnya. Sebab-sebabnya juga sembunyi dan kesamarannya bersangatan. Ini hingga ke tahap tidak dapat mengetahui segala selok-belok permasalahan itu melainkan golongan ar-rasikhun[17] dalam agama, golongan arif yang mengerti rahsia-rahsia Syariat dan Al-Quran yang Mubin.

Sesungguhnya sulitlah bagi manusia yang mahu melepas diri dari segala ikatan tadi, payah baginya untuk membersih diri dari berbagai halangan itu dan susah untuk mengetahuinya serta bagaimana ilmu untuk selamat darinya. Oleh itu dalam menempuh perjalanan manusia berhajat kepada golongan arifin dan amat memerlukan para mursyid dan murobbi dari kalangan masyaikh yang kamil[18].

---

17 - yang mendalam makrifat dan mantap pegangan.

18 - Istilah As-syeikh Al-kamil atau Al-Masyaikh Al-Kummal merujuk kepada guru Tasawuf yang telah menjalani proses didikan Tasawuf dengan sempurna dari gurunya dan mendapat izin yang

Sudah menjadi ketetapan dalam kehendak ALLAH Al-Haq Subhanahu wa Taala bahawa ikatan sesama roh dengan roh akan mewajibkan berlakunya pengaliran sifat dan berpindah perangai yang ada sesamanya. Dapat kau lihat dua orang kawan jika sempurna mahabbah dan kuat ikatan antara keduanya nescaya kecenderungan dan tabiat mereka akan sama dan nafsu mereka jadi serupa.

Dapat kau lihat bahawa seorang manusia itu merasa sakit dengan kesakitan orang yang punya suatu ikatan dengannya dan dia akan gembira dengan kegembiraannya. Berlakunya itu tidak lain dari kerana persediaan roh yang menetapkan bahawa ia akan terkesan dengan roh yang ia terikat dengannya lalu mewajibkan ia bersekutu dengan roh itu pada perkembangan dan ciri-cirinya walau pun kedua-dua roh [yang berkawan baik itu] masing-masing terkurung dalam penjara kebiasaan manusia lagi terikat dengan segala ikatan hijab dan tabiatnya. Ini adalah sesuatu yang dapat disaksikan oleh mata kepala kita dan disokong oleh pancaindera dan perasaan.

Sebab itulah para masyaikh yang kamil - رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَنَفَعَ بِهِم - yang merupakan ahli pada jalan tareqat ini menetapkan dasar bahawa murid wajib berguru dengan Syeikh murobbi yang wasil (sampai) lagi muwassil (menyampaikan), murid perlu

---

soheh sambung-menyambung hingga kepada Saiyidina Rasulullah صلى الله عليه وسلم untuk mentarbiyyah manusia menuju ALLAH.

menghubungkan rohnya dengan roh syeikhnya yang bergantung dengan ALLAH lagi sentiasa musyahadah dan beroleh redho ALLAH. Dasar ini merupakan sebesar-besar perkara yang diperlukan oleh murid dalam kembaranya menuju ALLAH Taala dan sepenting-penting usul yang menjadi titik tolak perjalanannya dalam tareqat.

Kerana jikalau keterikatan antara dua roh yang sama-sama terhijab mewajibkan keduanya muafakat pada kencenderungan dan tabiat maka keterikatan dengan roh yang telah merdeka dari segala belenggu lalu kesukaannya ialah sentiasa menuju kepada ALLAH yang dia beribadat kepadaNya, roh yang tabiatnya iktikaf di pintu-pintu keredhoan TuhanNya, roh yang jatidirinya ialah lari dari apa yang membuat dia jauh dan terhalang dari Tuhannya… maka ikatan roh dengan roh yang begini akan menetapkan pengaliran sifat-sifat tadi [kepada roh si murid] serta melazimkan bahawa segala norma-norma mulia itu melimpah kepadanya. Bahkan kalau nak dibanding dengan roh-roh yang terhijab tadi roh yang merdeka ini lebih patut mengalir ahwalnya kepada roh-roh yang bergantung dengannya kerana roh yang merdeka telah lepas dari belenggunya sedangkan roh yang terhijab masih terpasung dalam selutnya.

Namun begitu untuk mendapat sifat-sifat roh Syeikh dan untuk ahwal roh itu sampai kepada diri murid tergantung kepada sejauh mana kekuatan

ikatan si murid dengan Syeikh dan sentiasa bergantungnya dia dengan Syeikh. Ikatan ini tidak dapat berlaku melainkan dengan suatu pendorong yang membawa murid ke arah itu dan pendorongnya ialah apabila murid iktiqad pada kesempurnaan Syeikh dan ketinggian maqamnya, juga si murid dengan hadir jiwa merasakan bahawa roh Syeikh adalah tali yang kalau dia berpegang dengannya dia akan berjaya melepaskan diri dari segala kesibukan yang menghalangnya dari ALLAH Azza wa Jalla. Si murid percaya bahawa apa yang dilihat oleh Syeikh itulah yang akan membentuk dirinya menjadi baik kerana Syeikh lebih mengetahui tentang penyakit dirinya serta apa yang berfaedah untuknya dan Syeikh lebih tahu apa yang dapat menyucikan hatinya serta apa yang dapat mendekatkannya kepada dampingan ALLAH.

Wajiblah bagi si murid untuk tidak leka dari memerhatikan Syeikhnya. Kerana alpa dari pemerhatian adalah jauh dari pergantungan dengan rohnya pada waktu itu. Ini menjadi kerugian ke atas murid kerana dia perlu pada tiap detik untuk berdamping dengan roh Syeikhnya supaya akhlak serta keistimewaan dari roh Syeikh mengalir kepadanya dan itulah yang akan menyelamatkannya dari lumpur-lumpur kesibukan yang menggendalakannya dari tujuan, itulah yang akan melepaskannya dari kendala yang menghadang dia mencapai syuhud kepada

kecintaannya. Yang demikian akan menariknya kepada adab-adab yang wajib ditunaikan terhadap Syeikhnya. Untuk menyenaraikan segala peradaban itu dikhuatiri akan memanjangkan pula perbahasan dalam ringkasan risalah ini.

Wajiblah bagi si murid untuk tidak leka dari memerhatikan Syeikhnya. Kerana alpa dari pemerhatian adalah jauh dari pergantungan dengan rohnya pada waktu itu. Ini menjadi kerugian ke atas murid kerana dia perlu pada tiap detik untuk berdamping dengan roh Syeikhnya supaya akhlak serta keistimewaan dari roh Syeikh mengalir kepadanya

Hakikatnya
mahabbah ikhwan merupakan
perhimpunan segala rahsia.
Kemesraan sesama mereka demi
kerana ALLAH merupakan
mata air lathifah dan cahaya.
Hikmah dari ALLAH Taala telah
menjadikan bahawa semua orang
Mukmin itu punya keistimewaan. ALLAH
meletak dan membahagi-bahagikan
dalam diri mereka kemuliaan akhlak dan
perangai.

Kelima

Adab Persaudaraan Rohani

Banyak ehwal yang menimpa hati para murid lalu membuatnya derita sakit. Banyak bencana yang melanda roh mereka lalu menahan dan menjauhkannya dari jalan-jalan ALLAH Taala. Banyak antara ehwal dan bencana itu merupakan perkara-perkara yang mereka pandang enteng sedangkan ia sebenarnya sebesar-besar perkara yang membinasakan. Mereka bermudah-mudah melakukannya sedangkan ia sebenarnya sepayah-payah kendala yang merosakkan. Mereka telah mensia-siakan yang paling penting dari usul jalan tareqat. Dengan melampauinya mereka melakukan lawan dari usul itu hingga menyebabkan mereka jauh dari ALLAH Taala serta membuat mereka berpaling dari hadratNya.

Sesungguhnya para masyaikh kamil -moga ALLAH meredhoi mereka- telah menegaskan supaya sesama ikhwan[19] saling menuntut mahabbah saudaranya dan mereka saling menghubung erat sesama roh mereka. Hendaklah hati mereka bersatu dengan kemesraan dan kemurnian sesama mereka. Banyak ayat-ayat suci Al-Quran yang menggesa perkara ini dan hadis-hadis mulia Saiyidil Ahbab

19 - murid-murid dalam satu tareqat sufi.

صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ turut menyerukannya. Perkataan para masyaikh kamil juga muafakat menyatakannya lagi sudah mutawatir segala makna sirr, isyarat dan perlambangan mereka menyebutnya.

Hakikatnya mahabbah ikhwan merupakan perhimpunan segala rahsia. Kemesraan sesama mereka demi kerana ALLAH merupakan mata air lathifah dan cahaya. Hikmah dari ALLAH Taala telah menjadikan bahawa semua orang Mukmin itu punya keistimewaan. ALLAH meletak dan membahagi-bahagikan dalam diri mereka kemuliaan akhlak dan perangai. Setiap diri Mukmin mengambil bahagian yang telah ditetapkan sejak azali untuknya dari kemuliaan itu. Dia memiliki apa yang telah diberi kepadanya dengan kehendak ALLAH.

Boleh berlaku bahawa orang fasik punya keistimewaan yang tidak terdapat pada diri ahli kesolehan dan taqwa. Boleh jadi pada diri orang soleh yang taqwa itu ada kebaikan yang tiada pada diri orang yang lebih soleh dan lebih taqwa darinya. Perkara ini dapat disaksikan dengan mata lagi diketahui ramai sejak dahulu. Lalu bilamana seorang murid itu punya ikatan jiwa dengan para ikhwannya, bersih hati dan mencintai mereka nescaya akan mengalirlah kepada rohnya berbagai keistimewaan yang ada pada diri para ikhwannya. Hukum ikatan rohani antaranya dengan para ikhwan itu akan menjadikan segala keindahan yang ada di taman-taman keimanan

pada jiwa mereka turut sampai kepada jiwanya lalu menjadikan dia menjalani kembaranya dengan jiwa seluruh ikhwannya.

Jika roh seorang murid asyik dengan suatu kesibukan yang bukan kepada ALLAH dia akan terjauh dari ALLAH. Semua roh yang punya ikatan dengan rohnya (para ikhwan) dapat merasai beban kejauhan itu lalu lari darinya. Roh para ikhwan merasa tidak serasi dan akan menjauhi si murid. Jika roh seorang murid berhias dengan sesuatu yang mewajibkan dirinya beroleh redho dan dampingan ALLAH Subhanahu wa Taala pasti dapat kau lihat arwah para ikhwannya bagai berterbangan kepadanya. Semuanya tertarik kepadanya. Semuanya suka untuk berhias dengan perhiasannya. Semuanya rindu untuk bersamanya dan begitulah hingga roh si murid bebas dari segala kendala yang menghalangnya.

Kerana itu kalangan masyaikh ahli jalan tareqat berkata bahawa ikatan jiwa dengan saudara yang soleh akan memperjalankanmu menuju ALLAH Taala sepertimana jikalau engkau berguru kepada syeikh yang mursyid. Mahabbah yang berlaku antara para murid adalah kayu ukur bagi seorang murid untuk dirinya mengetahui sejauh mana hubungannya dengan tareqat. Mahabbah ini juga merupakan penimbang untuk dia mengetahui apakah benar atau dustanya dia dalam dakwaan kehendaknya untuk menempuh jalan kepada ALLAH. Demikianlah sesungguhnya antara

roh dengan roh itu akan bersatu dan saling cenderung walau dengan sekecil-kecil sebab.

Lihatlah contohnya pada persaudaraan luaran yang dapat kau lihat faktornya lemah dari berbagai sudut dan tidak punya ikatan khas yang dapat mengikat rohnya dengan roh yang lain; semuanya terbit dari satu sumber. Jasad lahir sesama mereka juga berbeza, tidak sama dan tanpa suatu ikatan yang mengikatnya. Walaupun begitu oleh kerana jasad-jasad ini menjadi tempat tinggal roh dan asalnya dari satu bapa maka terdapat suatu hubungan antara roh itu kerana faktor kesamaan; badan berbeza-beza tapi asal wujudnya (bapa) satu.

Ikatan jasad lahir ini biarpun lemah namun dapat kau lihat bahawa ia menjadikan manusia tunduk kepada aturan dan banyak perkara seperti cemburu terhadap apa-apa perkara yang menimpa saudaranya, simpati jika saudaranya sakit, sedih jika saudaranya ditimpa kemalangan, ingin saudaranya mendapat segala yang menyenangkannya, mengambil berat terhadap segala yang memberi keselamatan terhadap saudaranya dan berbagai lagi ehwal yang dapat disaksikan.

Lalu bagaimana pula halnya jika berhimpun dua roh pada satu asal yang sama, terikat dengan tali yang sama, bersatu pada jalan yang sama dan saling meneguk minuman dari sumber yang sama. Tidak

syak lagi bahawa kecenderungan kedua-dua roh itu lebih berganda-ganda dan lebih bertenaga, ikatannya akan lebih tinggi bertingkat-tingkat.

Maka jika lemah kecenderungan kepada seorang ikhwanmu di jalan tareqat, atau kau dapati rasa benci terhadap ikhwan yang melakukan perkara tidak sepatutnya, atau engkau dapati dirimu tidak ambil peduli kemudaratan yang berlaku kepadanya, atau tidak kau rasa dukacita apabila berlaku kepadanya sesuatu yang menyebabkan dia lambat dalam perjalanan, atau kau merasai jiwamu lari dari ikhwan yang menyakitimu… maka ketahuilah bahawa yang demikian itu kerana lemah dan longgarnya ikatan dan sambunganmu dengan jalan tareqat.

Jika ikatanmu itu kuat dan benar tentu engkau akan merasa sedih atas apa saja kesakitan yang menimpa mereka, duka atas kelakuan mereka yang menyalahi apa yang sepatutnya. Tentu engkau akan memberi nasihat dengan amat lemah lembut kepada ikhwanmu yang bersalah. Dengan segala yang mungkin engkau berusaha agar mereka redho kepadamu. Tentu engkau akan mendapati bahawa jiwamu rasa perlu kepada kemurnian hati para ikhwanmu, engkau akan amat memaafkan apa saja kesakitan yang mereka timpakan kepada dirimu. Apatah lagi bahawa yang demikian itu merupakan kemestian dari ikatan ini.

Sesungguhnya murid sejati itu ialah orang yang

mengutamakan kekasih atas dirinya bahkan dia tidak pedulikan diri demi kepentingan kekasihnya. Jika iman saudaramu dan halnya yang menempuh jalan menuju ALLAH Azza wa Jalla tidak dapat menutupi kesakitan yang ditimpakannya kepadamu, hubungannya dengan ahli jalan Al-Haq Azza wa Jalla tidak dapat mensyafaatkannya di sisimu... lalu bagaimana dapat kau jujur menuntut ALLAH sedangkan halmu mengutamakan nafsumu ke atas saudaramu itu? Bagaimana kau katakan dirimu murid yang mahu selamat dari nafsumu sedangkan halmu melayan kehendak nafsu dan cenderung kepadanya? Yang lebih patut ialah engkau menamakan dirimu sebagai murid nafsu dan syaitan, penuntut kejauhan dan kerugian. Kami bermohon lindungan ALLAH dari yang demikian.

Wahai murid! Sesungguhnya ikatan yang kau dakwakan ada padamu dan persaudaraan yang sangkamu engkau ahlinya bukanlah omong-omongan lisan, bahkan ia merupakan cahaya yang zahir hukumnya dilihat oleh mata. Lalu mana tah hukum ikatan rohaniahmu? Mana tah bukti hubungan robbaniyyahmu? Sudah kami jelaskan padamu bahawa ikatan roh itu amat jauh tepian dan penghujungnya sedangkan tidak kau tegakkan walau sebahagian dari ketetapan ikatan itu bahkan hukum-hakamnya kau pandang ringan dan tidak berharga.

Apabila kau lihat kesalahan kecil dari saudaramu

atau kau menyangka dia begitu segera kau zahirkan permusuhan terhadapnya. Kau jauhi dia dan kau benci dia. Engkau melupa-lupakan dirimu ikatan persaudaraan antaramu dengannya. Engkau lupa janji setia antaramu dengannya di jalan menuju ALLAH. Tidak syak lagi bahawa yang demikian itu merupakan petanda terhalangnya engkau dari jalan tareqat serta dalil tidak masuknya engkau dalam kumpulan sufi. Ia merupakan isyarat keterhalangan sudah dinyatakan kepadamu, bendera kecelakaan dan kekalahan berkibar di tugu nafsumu. Kami bermohon lindungan ALLAH dari yang demikian.

Sidi As-Syeikh Al-Ghazali dalam sebuah kitabnya berkata kepada para ikhwannya :

"... lalu mengapa kamu sesamamu yang bersaudara bergaul bagai orang-orang asing dan bersahabat cara orang berjauh-jauhan sedangkan kamu adik beradik. Hukum persaudaraan kamu letakkan di bawah hukum nafsu dan kepentingan; jika sesama nafsu setuju kamu pun bersatu dan jika tidak kamu sesamamu berjauhan. Ada yang mendendami saudaranya tanpa apa sebab melainkan kerana dia tidak muafakat dengannya pada suatu kehendak dunia walaupun saudaranya itu orang paling alim dan paling mulia yang yang wajib dihormati oleh tiap Muslim...

"...ada juga kalanganmu yang menyangka

konon para ikhwannya lebih dia hargai dari dirinya sendiri, tetapi dalam pergaulan dengan ikhwannya dia berkira pada perkara dunia hingga ke sen-sennya. Jika dia merasakan saudaranya membelotinya pada satu perkara yang remeh, atau kedua-duanya saling merasakan begitu nescaya kedua-duanya saling berjauh-jauhan dan banyaklah kata-mengata antara mereka. Hal keadaan mereka berlawanan dengan dakwa persaudaraan. Hukum persaudaraan tidak memberi bekas apa-apa pada mereka yang bertelingkah soal remeh-temeh itu...". Wahai para murid yang dihimpun oleh ikatan persaudaraan demi kerana ALLAH, wahai para murid yang diikat dengan tali kasih sayang dan kemurnian, mengapa kau balasi nikmat dengan mengkufurinya? Mengapa tidak kau tunaikan kewajiban memuji-muji dan mensyukurinya?"

Ketahuilah bahawa kalian telah berjanji setia dengan ALLAH Taala, kalian telah mempersaksikanNya dan berteguh kata kepadaNya bahawa kalian akan kembara menuju hadratNya yang tinggi, berpegang teguh dengan jalanNya yang mudah lagi diredhoi. Maka sesudah itu tidaklah sah kalian mencuaikan sesuatu dari apa yang telah kalian persetiakan lagi tidak patut kalian mengabai apa yang kalian tahu ia dituntut di sisiNya. Jika tidak maka kalian telah memperlecehkan Tuhan yang Maha Membalas

kejahatan lagi Maha Keras hukumNya, kalian telah khianat pada janji setia kepadaNya.

Maka hendaklah kalian memenuhkan hati dengan kemurnian dan mahabbah kepada ALLAH. Hati-hatimu itu siramilah ia dengan kesetiaan dan mahabbah kepada ikhwan. Sesungguhnya tiadalah peganganmu pada jalan tareqat ini jika kamu sesama ikhwan berjauh-jauhan hati. Sejauh mana murni hatimu dengan ikhwanmu maka sejauh itu pulalah teguh peganganmu kepada jalan ini.

Wahai murid! Sesungguhnya ikatan yang kau dakwakan ada padamu dan persaudaraan yang sangkamu engkau ahlinya bukanlah omong-omongan lisan, bahkan ia merupakan cahaya yang zahir hukumnya dilihat oleh mata.

Jikalau
tahulah si murid betapa
agungnya nikmat ini dan
betapa besar nilai kurniaan
yang disampaikan kepadanya
ini, nescaya pastilah dia
mendengarkannya dari si
penghantar dengan sikap
dan keadaan yang
paling indah.

Keenam

Kewajiban Nasihat-menasihati Sesama Saudara

Wajiblah tiap seorang dari kamu (duhai ahli jalan tareqat) melapangkan dadanya untuk menerima nasihat dari ikhwannya. Hendaklah dia mengetahui bahawa yang demikian itu antara sebesar-besar nikmat ALLAH ke atasnya. Sesungguhnya Dia telah menjadikan basiroh[20] para ikhwannya sebagai pengganti kepada basiroh dirinya yang terhijab dek kerana berpaling dari ALLAH Taala. Ini merupakan kelembutan yang sembunyi, belas kasihan dan pertolongan dari ALLAH kepada hatinya.

Maka tiada sah bagi seorang hamba -khususnya jika dia seorang murid penuju ALLAH Subhanahu wa Taala- membalas nikmat besar ini dengan memandang ringan kepadanya atau menjauhkan diri dari kebaikan yang ALLAH datangkan kepadanya ini. Bahkan wajib baginya memuji-muji ALLAH atas nikmat itu dan berterima kasih kepada orang yang menjadi sebab datangnya ia kepadanya. Dan hendaklah dia minta ditambahkan lagi kepadanya nikmat seperti itu supaya hatinya mesra dengan berterusannya curahan rahmat Al-Haq dan pemberianNya nan indah yang di

20 - pandangan hati.

antaranya berupa nasihat-nasihat dari para ikhwan kepada dirinya. Dengan itu dia telah menjadikan setiap peribadi ikhwannya sebagai pintu hujan rahmat Ilahi dan lorong bagi kelembutan Maha Rahman sampai kepadanya.

Dan tiada sah baginya menolak nasihat dengan alasan orang yang menasihatinya sendiri tidak beramal dengan nasihat itu, apatah lagi jika dia menjauhi si penasihat seperti yang berlaku kepada ramai orang yang mahrum[21]. Bahkan wajiblah dia menerima nasihat itu dengan baik, sopan dengan si penasihat ketika menerima nasihatnya sebagai beradab dengan Al-Haq Subhanahu wa Taala kerana pada hakikatnya Dia-lah yang memberikan nikmat itu dan sudi melimpahkannya kepada hamba.

Jikalau tahulah si murid betapa agungnya nikmat ini dan betapa besar nilai kurniaan yang disampaikan kepadanya ini nescaya pastilah dia menerimanya dari orang yang menghantar dengan hal yang paling sempurna dan tidaklah dia mendengarkannya dari si penghantar melainkan dengan sikap dan keadaan yang paling indah. Kerana detik itu sesungguhnya merupakan saat tiba nikmat besar dan turunnya hujan rahmat kelembutan dari ALLAH kepadanya.

Namun apa yang membuat sedih dan tergores hati ialah apabila kebanyakan murid merasa sempit dada kerana serba salah dan kebodohan nafsu mereka terbit

21 - Terhalang dari mendapat rahmat.

apabila nikmat nasihat ini disampaikan orang kepada mereka. Boleh jadi nasihat itu menjadi sebab pula untuk mereka menjauhi si penasihat dan lari darinya. Khususnya apabila yang dinasihat tidak melakukan seperti yang dinasihati; dia melihat si penasihat telah menghina dan memperlecehkannya. Dia bersangka-sangka yang bukan-bukan terhadap si penasihat walhal si penasihat tidaklah keluar dari keadaannya menyampaikan kepada yang dinasihati satu nikmat pemberian ALLAH. Nikmat nasihat itu menjadi bekalan bagi yang menerimanya, walau tidak zahir faedahnya segera namun tetaplah ia menjadi cahaya yang dapat menyuluh hidupnya di masa mendatang.

Adalah menghairankan apabila seorang murid yang mahu membebaskan jiwa dari nafsunya apabila ada orang membimbing dia untuk meninggalkan suatu dari kehendak nafsu dan membersih jiwa dari suatu kecelaannya dia rasa cemburu kerana merasakan si pembimbing melihat dirinya bersalah. Dia marah kerana dirinya dinisbahkan kepada kekurangan. Aduhai murid ini, bagaimana entah dia percaya bahawa seluruh ahwal nafsunya adalah keaiban dan kekurangan yang menghambat dia dari Tuhannya lalu dia mahu membersih diri darinya dengan masuk ke jalan tareqat namun dia tidak redho pula untuk dilarang dari sebahagian ahwal dan keaiban itu. Tidak syak lagi bahawa ini merupakan kontradiksi pada kata dan ehwalnya.

Musibah terbesar pula ialah mereka yang ALLAH Taala beri taufik untuk menekuni wirid dan hizib atau mereka yang ALLAH Taala kurniakan peluang belajar ilmu-ilmu yang diperlukan… menjadi musibah terbesar apabila golongan ini melihat nasihat yang ditujukan kepada mereka sebagai perkara mungkar, tidak layak mereka terima dan mereka penuhi dada dengan permusuhan terhadap yang menasihati. Seolah-olahnya mereka merasa cukup kaya dengan apa yang mereka ada dan tidak perlu lagi kepada nasihat para ikhwan kepada mereka sedangkan ia merupakan antara sebesar-besar nikmat Al-Haq Subhanahu wa Taala.

Sepatutnya golongan inilah yang paling menerima nikmat itu dan merekalah yang paling sayugia melihat diri mereka sebagai manusia yang paling berhajat kepadanya agar bertambah lagi kurniaan ALLAH ke atas mereka. Tapi mereka itulah golongan yang sebenar-benarnya dijauhkan dari kebenaran dan terhalang dari menempuh jalan yang baik. Mereka telah menjadikan nikmat ALLAH sebagai sebab mereka terhalang, mereka jadikan rahmat dari ALLAH sebagai punca mereka berdegil dan kufur. Inna lillahi wa inna ilaihi roji`un.

Ketujuh

Adab Memberi Dan Menerima Nasihat

Dan wajib bagi penasihat dalam dia menyampaikan nasihat kepada ikhwannya hendaklah dia menjadi seperti saudara yang memberi ubat kepada saudaranya yang sakit:

Dia melakukan itu didorong oleh belas kasihan, sayang dan keinginan untuk melihat saudaranya sembuh.

Dia melakukan itu kerana suka saudaranya senang dengan nikmat kesihatan sepanjang masa.

Jika dia melihat saudaranya yang sakit itu tidak suka makan ubat dan sakit untuk menelannya ini tidak membuat dia berpaling, bahkan kasihnya kepada si pesakit bertambah-tambah dan dia akan berusaha untuk berlemah lembut terhadapnya.

Jika yang sakit enggan makan ubat atau ubat yang diberi tidak menyembuhkan maka saudaranya tambah dukacita dan sedih.

Demikian lagi wajiblah bagi murid menasihati saudaranya kerana simpati dan menyayangi saudaranya itu dari menderitai penyakit rohani :

Jika si murid mendapati saudaranya tidak suka dengan nasihatnya dia tidak lari dari saudaranya itu bahkan berusaha untuk menyantuninya.

Jika saudaranya tidak melaksanakan nasihatnya atau nasihatnya tidak memberi manfaat kepadanya dia tidak menjauhinya dan tidak membencinya kerana itu. Bahkan yang berlaku ialah diri si murid tambah dukacita dan sedih kerana saudaranya itu masih tidak sembuh dari penyakit yang menimpa rohaninya.

Para murid sekarang sudah dikalahkan hijab kebodohan diri sendiri hingga mereka melupa-lupakan dasar yang amat penting ini. Mereka jadi tidak saling nasihat-menasihati apabila melakukan suatu kesalahan. Mereka jadi tidak saling tegah-menegah dari kemungkaran. Kamu dapat lihat keadaan mereka sesama mereka; jika ada yang melakukan kesalahan saudaranya tidak menasihati kerana takut dia kecil hati terhadapnya lalu mereka berdua jadi berkelahi.

Jika seorang saudara berbaik sangka bahawa yang bersalah akan menerima nasihat lalu datang menasihatinya yang bersalah panas hati dan merasa salahnya yang betul lalu tambah benci kepada saudara yang menasihati. Bila yang menasihati tiada dia akan diingkari (dikata-kata). Jadilah hati mereka merasa saudaranya kurang itu dan ini dan dipenuhi kesumat dendam.

Hal ehwal ini telah menyeret mereka untuk masing-masing merasa dirinya suci dan redho dengan nafsu sendiri. Inilah yang meruntuhkan asas masuknya seorang insan ke jalan tareqat. Ini membuatkan dia keluar dari nisbah jalan tareqat secara total. Kerana jalan tareqat itu tapaknya ialah lari dari ehwal nafsu, benci kepada kehendak-kehendak nafsu yang semestinya menjauhkan dari ALLAH Azza wa Jalla.

Lalu bagaimanakah seorang murid mahu membersih dirinya dari ehwal kongkongan nafsu sedangkan dia sendiri meredhoi nafsunya dan suka dengannya ?!

Awas-awaslah kamu wahai murid terhadap bahaya-bahaya besar ini. Hendaklah kamu waspada terhadap punca-punca kerosakan fatal ini. Sesungguhnya ia bererti kamu mempermain-mainkan hadrat ALLAH Dzil Jalal wal Ikrom, ia bererti kamu memperlecehkan jalan menuju ALLAH yang Maha Quddus lagi Maha Salam. Apakah kau sudah merasa cukup dirimu bertareqat dengan sekadar dakwamu konon engkau masuk tareqat tapi perbuatanmu meruntuhkan rukun pertama serta dasar utama dari jalan tareqat.

*Dengan berjemaah jiwa
akan lebih terdorong untuk
memberi perhatian dan lebih
mengarahkannya untuk
mengadapkan diri mendatangi
ALLAH Subhanahu wa Taala
melalui bacaan wirid.*

Kelapan

Kepentingan Majlis Zikir Dan Perhimpunan Wirid

Dan lagi antara perkara yang menjadi kepastian dan kemestian kepada para murid di jalan tareqat adalah perhimpunan mereka untuk melaksananakan bacaan wirid. Perhimpunan untuk berwirid itu sudah menjadi satu wirid yang tersendiri pula. Bahkan perhimpunan ini di sisi kaum sufi (golongan kamil kalangan Ahlillah) merupakan antara sebesar-besar wirid mereka serta samudera limpahan dan madad mereka. Siapa yang melakukan wirid bersendirian dia sudah terlepas satu wirid yang lain pula iaitu perhimpunannya dengan para ikhwan untuk sama-sama berwirid. Sesungguhnya perhimpunan ini punya rahsia-rahsia yang amat tinggi makrifatnya serta cahaya-cahaya yang tidak tergapai hakikatnya.

Di dalam hukum syariat yang mulia sudah termaktub galakkan perhimpunan jamaah untuk melaksanakan ibadah. Solat berjemaah lebih afdhal dari solat bersendirian 75 darjat. Dengan berjemaah jiwa akan lebih terdorong untuk memberi perhatian dan lebih mengarahkannya untuk mengadapkan diri mendatangi ALLAH Subhanahu wa Taala melalui

bacaan wirid. Ini kerana apabila beramai-ramai sama-sama mengerjakannya ia akan memastikan diri menjadi mesra dengan pekerjaan itu, kuat untuk menunaikannya dan tidak bosan darinya.

Boleh jadi seorang murid itu dengan dia membaca wirid berjemaah satu kali dia mencapai apa yang tidak tercapai olehnya dengan membaca wirid itu berkali-kali seorang diri. Kerana itulah ahli jalan tareqat menggesa perhimpunan ini serta memberi amaran jangan sampai ia diringan-ringankan dan ditinggalkan. Ini sampai ke tahap hingga disebut bahawa antara sebab-sebab yang membolehkan Syeikh menghalau seorang murid ialah apabila dia tidak hadir majlis wirid dan hizb.

Namun tangan kejahilan telah merosakkan para murid. Hijab kesesatan telah membutakan mata mereka dari melihat jalan kebahagiaan. Lalu mereka pun meringan-ringankan perhimpunan membaca wirid dan mensia-siakannya. Bahkan mereka tukar perhimpunan mulia itu dengan perhimpunan mereka bermain-main, mereka ganti dengan kesibukan terhadap perkara sia-sia dan nafsu mereka seronok dengan itu semua. Nafsu mereka berlazat-lazat apabila mereka terhalang dari nafahat Tuhan yang Maha Tinggi lagi Maha Raja. La hawla wa quwwata illa billahil `aliyyil `azhim.

Mudah-mudahan engkau sedar dan mencabut

dirimu dari bala yang telah menimpa ramai orang. Mereka meninggalkan perhimpunan bacaan wirid berjemaah dan tidak mengerjakan rawatib[22] yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Mereka pergi menghilang dari para ikhwan mereka. Mereka menyibukkan diri dengan perkara lagho, permainan dan gelak ketawa.

Apabila mereka bersama manusia lain atau bersama ikhwan yang tidak sebulu mereka pun menzahirkan diri sebagai beradab, wibawa, tenang, baik sikap dan segala macam lagi ahwal yang sebenarnya dusta. Ketika mereka hanya sesama mereka kembali semula sedia kala. Jadilah mereka barang permainan syaitan. Mereka mensia-siakan buah perhimpunan mulia. Mereka terjerumus pada kebinasaan riya', berlakon-lakon dan kemunafikan. La hawla wa quwwata illa billahil `aliyyil `azhim.

Ketahuilah bahawa ahli jalan tareqat telah menetapkan perhimpunan para murid sesama mereka sebagai salah satu tuntutan. Ia bertujuan supaya dengan perhimpunan itu :

- Mereka akan saling mengambil makarimul akhlak dan tingkah laku yang terpuji sesama mereka.
- Mereka akan saling mengambil berat untuk datang mengadap kepada Tuhan.

---

22 - aturan tugas/ibadah.

- Mereka akan bertolong bantu dalam mengerjakan ketaatanNya dan menunaikan apa yang dapat mendekatkan diri kepadaNya.
- Mereka akan saling nasihat menasihat atas apa-apa keterlanjuran yang berlaku.
- Supaya yang jahil dari kalangan mereka dapat belajar dan yang arif dapat memberi ingat kepada yang benar.

Kerana seorang murid itu tidak mungkin dengan berseorangan diri dapat mengetahui semua perkara yang boleh menggendalakannya dalam perjalanan ini. Boleh jadi nafsunya menyelinapkan gendalaan itu dalam satu perkara baik. Sudah menjadi adat nafsu memandang ringan terhadap berlakunya perkara-perkara yang tiada orang lain melarangnya. Walaupun dirinya tahu bahawa itu salah dan jelas dilihat namun nafsu amat berhajat kepada orang lain yang dapat menyedarkannya terhadap kesalahan itu.

Perhimpunan para murid juga akan membuahkan ikatan mahabbah yang makin erat sesama mereka. Ia akan meneguhkan tali kasih sayang dan kemurnian di antara hati mereka.

Sesungguhnya syaitan telah mengacaukan kepada sesetengah orang yang menisbah diri ke jalan tareqat pada perkara yang dituntut ini lalu menjadikan mereka terpesong dari menuntut ALLAH Al-Haq Azza wa Jalla kepada memenuhi kelazatan nafsu dengan

melayan kehendaknya dan bermesra-mesra dengan syahwatnya. Syaitan menyukakan dan membiasakan mereka kepada perhimpunan tapi demi menghiburkan nafsu dengan kecenderungannya kepada yang sia-sia serta menyibukkan diri pada yang tiada kena mengena dengan mereka dan lain-lain. Hingga jadilah perhimpunan majoriti mereka perhimpunan syaitan yang akhirnya membawa mereka kepada terhalang dari jalan tareqat yang diredhoi ini.

Syaitan mendapat ruang dalam perhimpunan-perhimpunan itu lalu jadilah ia perhimpunan yang terhalang dari mendapat buah-buah kebaikan. Perhimpunan mereka telah mewariskan pecah belah sesama mereka, menyakitkan dan saling sakit menyakiti serta cabul di kalangan mereka. Kita bermohon kepada ALLAH agar menarik mereka keluar dan menyelamatkan mereka dari segala ehwal dan kesakitan yang menggerunkan ini.

Perhimpunan para murid juga akan membuahkan ikatan mahabbah yang makin erat sesama mereka. Ia akan meneguhkan tali kasih sayang dan kemurnian di antara hati mereka.

Kesembilan

Penekanan Mengerjakan Zikir Dan Ibadat Di Waktu-Waktu Fadhilat

Di antara kebaikan yang tidak mendapat kepedulian, dipersia-siakan dan diabaikan oleh mereka ialah mendedahkan diri kepada detik-detik rahmat Ilahi dan penekanan terhadap wirid-wirid khas pada waktu-waktu itu seperti qiyam waktu sahar[23]. Sedangkan waktu ini merupakan saringan yang membezakan antara para hamba yang menuntut ALLAH Subhanahu wa Taala dengan orang lain yang berpaling dari mendatangi pintu-pintu ALLAH Azza wa Jalla.

Dapat kau lihat bahawa orang begini dengan bakhilnya tidak memberi masa untuk qiyam di waktu itu. Dia rasa berat untuk meluangkan masa demi mendapatkan keredhoan ALLAH dan dampinganNya. Masanya dihabiskan untuk kerehatan nafsunya dan dia berpaling dari ALLAH Tuhannya di detik terindah turun ihsanNya. Dia menjauh diri dariNya di kesempatan agung yang amat sedikit dari masa di mana padanya ada dampingan ALLAH dan keredhoanNya. Bagimanakah dapat dipinang cinta

23 - pertiga malam terakhir sebelum azan subuh atau waktu sahur.

yang Maha Indah jika hamba tidak menghina diri di pintu-pintu kemuliaanNya. Tidaklah itu berlaku melainkan kerana dirinya dusta pada dakwanya dan sikapnya itu merupakan hujah atas kebatilan omongannya.

Dan wajiblah bagi para murid dalam menunaikan wirid-wirid mereka untuk tidak keluar dari tujuan yang telah ditetapkan oleh ahli jalan tareqat ini iaitu bertawajjuh kepada ALLAH Subhanahu wa Taala serta mengerjakan apa yang dapat mendekatkan diri mereka kepadaNya. Sesungguhnya satu penyakit telah mengalir masuk ke dalam sesetengah golongan murid hingga menjerumuskan mereka dalam bahaya besar yang bahkan ianya merupakan sebesar-besar kendala yang memutuskan dari ALLAH Azza wa Jalla.

Kaum (Ahli Zikir) telah menetapkan bahawa di antara wirid mereka adalah perhimpunan para murid mereka untuk berzikir mengingat ALLAH جَلَّ شَأْنُهُ agar cahaya ALLAH terpancar kepada hati para murid dan roh mereka beroleh sinaran sirr dariNya. Kaum Ahli Zikir melazimkan perhimpunan ini selepas Isya' agar terhasil bagi mereka dua rukun dari segala rukun jalan tareqat iaitu sahr (berjaga malam) dan zikir.

Kesepuluh

Hukum Qasidah Dan Nasyid Di Sisi Kaum Sufi

Bilamana hemah para penuntut digugat oleh kelemahan para masyaikh pun membenarkan dalam perhimpunan itu diadakan penasyid yang memperdengar kepada mereka kalimat-kalimat kaum sufi yang dapat membangkit hemah mereka, menguat keazaman mereka dan mendorong mereka kepada ALLAH Subhanahu wa Taala serta menyukakan mereka kepadaNya.

Namun kejahilan terhadap jalan tareqat menuju ALLAH dan sikap meringan-ringankannya telah menyasarkan para murid apabila tujuan mereka hadir majlis-majlis zikir ialah untuk mendengar lagu-lagu penasyid dan merehat-rehatkan jiwa mereka dengan alunannya. Mereka menyempitkan pandangan hanya terhadap itu dan mereka jadikan zikir dan perhimpunannya untuk menghasilkan tujuan yang buruk ini. Mereka akan memuji-muji majlis zikir jika didapati lagu-lagu penasyidnya bagus dan majlis itu akan dianggap remeh oleh mereka jika tidak didapati apa yang mereka mahu. Boleh jadi mereka akan terus meninggalkan majlis zikir hingga jadilah rukun yang agung ini dilihat lekeh oleh masyarakat yang beranggapan ia hanya sebagai perhiasan di pesta

keramaian dan perkara biasa yang sekadar untuk melengkap aturan dalam kehidupan komuniti mereka.

Tidak cukup dengan keterhalangan, ketersasaran dan kerugian tadi bahkan ada kalangan penasyid menjadikan perhimpunan majlis yang mulia dan rukun tareqat sufi yang tinggi ini sebagai jalan untuk mendapat puing-puing dunia.

Dapat kau lihat mereka melantun suara menyebut lirik-lirik yang zahirnya mohon pertolongan dari junjungan Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ yang teramat mencemburui kemurnian jalan tareqat ini tapi pada batinnya mereka menyakiti hadrat junjungan Baginda nan kudus lagi mencincang jalan petunjuknya. Pada zahir mereka menyerukan kata-kata yang menggalak mahabbah ALLAH Taala tapi pada batinnya mereka memerangi hadratNya yang kudus. Ia juga penghinaan terhadap zikir mengingat ALLAH جَلَّ شَأنُه apabila mereka menjadikannya sebagai alat menghasilkan daki-daki dunia dan kotorannya.

Lalu jadilah mereka yang datang berzikir itu menyangka diri mereka mendatangi ALLAH Subhanahu wa Taala sedangkan sebenarnya mereka berdiri sebaris dengan golongan yang memerangi hadrat ALLAH yang Maha Tinggi.

Mereka sangka diri mereka berdiri di pintu-pintu kemuliaan ALLAH sedangkan hakikatnya mereka duduk beriktikaf di bendul ahli dunia. Mereka kira diri

mereka bermulia-muliaan dengan kemuliaan ALLAH Dzul Jalali wal Ikrom sedangkan apa yang berlaku ialah mereka menjadi sebab penghinaan terhadap asma' ALLAH di samping sifat kehinaan diri mereka yang meminta-minta dan mengemis dunia.

Berapa banyak sudah bala tentera kebatilan menyerang jalan tareqat ini. Betapa seringnya gerombolan askar perosak datang membuat onar ke atasnya. Betapa pula golongan yang menisbah diri kepada tareqat mereka sendirilah yang telah mensia-siakannya hingga jalan ini dipandang lemah dan dihina oleh masyarakat. Betapa pula mereka yang berpayung di bawah tareqat sendirilah yang telah membuat rosak kepada jalan ini hingga ia jadi lekeh dipandang manusia dan dihina-hina. Berapa banyak pula golongan jahil di jalan tareqat dan mereka inilah yang memperbanyak kebinasaan padanya. Hingga ramailah orang yang bersih hati dan menyayangi jalan tareqat [tapi dek kerana itu semua] mereka terhalang darinya.

Dahulu bendera jalan tareqat berkibar indah, [dengan onar itu semua] benderanya jadi rebah. Dahulu benteng pertahanan tareqat kukuh tidak tergoyah, [dengan onar itu semua] sekarang roboh dan musnah. إِنَّا لله وَإِنَّا إِلَيه رَاجِعُون . Sumpah demi ALLAH bahawa kelompok itu telah menjual amalan Zikrullah dengan harga yang sedikit. Mereka menjauhi jalan kebenaran dan telah sesat jalan.

Ayuhai para murid! Tidak sayugia kau meletakkan permata-permata jalan tareqat di tempat kemuliaannya dihina. Gelas-gelas minuman jalan ini tidak sah kau lempar-lempar hingga diremehkan seni-seni keindahannya. Wajiblah dijaga agar jalan tareqat sentiasa tinggi kedudukannya. Lazimlah bahawa taman dan tanah negerinya dibentengi sentiasa.

Maka janganlah engkau melakukan apa-apa dari pekerjaan tareqat melainkan dalam bentuk yang dimuliakan dan dihormatkan. Janganlah engkau mengerjakan apa-apa darinya melainkan dalam bentuk yang ditakzim dan ditinggikan. Kerana ditakuti bagi siapa yang menyebabkan perlecehan terhadap kehormatan jalan tareqat akan dihukum dengan buangan dan dibalas dengan pemulauan.

Janganlah engkau melakukan apa-apa dari pekerjaan tareqat melainkan dalam bentuk yang dimuliakan dan dihormatkan. Janganlah engkau mengerjakan apa-apa darinya melainkan dalam bentuk yang ditakzim dan ditinggikan.

Kesebelas

Larangan Mencampuri Perkumpulan Bid`ah Dan Ahlinya

Dan lagi antara perkara yang menjadi kewajiban dan kepastian ke atas murid untuk melakukannya ialah menjauhi perhimpunan dan perkumpulan bid`ah dan ahli bid`ah yang berlaku di zaman sekarang.

Hendaklah dia lari dengan hati dan badannya dari tempat-tempat yang ada padanya perkara-perkara itu. Kerana itu semua bererti melangkah keluar dari batas syariat yang mulia dan perang ke atas ALLAH Taala serta permusuhan terhadap kekasihNya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. Menambah ramai pada perhimpunan sebegitu bererti menolong untuk meruntuhkan Islam. Perhimpunan sebegini adalah tempat turunnya murka ALLAH, ia adalah tempat sasaran panah kemarahan dan balasan hukuman dari ALLAH Azza wa Jalla.

Seorang murid penuju ALLAH dan penuntut Al-Haq Subhanahu wa Taala wajib ke atasnya mencari-cari rahmat yang Maha Rahman lagi Maha Rahim. Wajib baginya berdesak-desak di pintu-pintu budi dan ihsan ALLAH. Semestinya dia mendedah diri kepada awan gemawan dampingan dan keredhoan ALLAH. Dengan itu janganlah dia peduli pada cercaan pencerca

terhadap sikapnya yang memulaukan segala bid`ah tadi. Bagaimanakan seorang murid mahu menjaga hati para pencerca, tidak takutkah dia pada kerasnya kuasa Robbul `Alamin.

Seorang murid penuju ALLAH dan penuntut Al-Haq Subhanahu wa Taala wajib ke atasnya mencari-cari rahmat yang Maha Rahman lagi Maha Rahim. Wajib baginya berdesak-desak di pintu-pintu budi dan ihsan ALLAH.

Keduabelas

Kewajiban adab Dan Akhlak Mulia Bagi Ahli Jalan Tareqat

Dan lagi antara dasar paling penting, tinggi dan mulia di sisi kaum sufi adalah berakhlak dengan kesopanan yang tinggi lagi diredhoi serta beradab dengan peradaban yang tinggi lagi mulia. Bahkan ia merupakan roh kepada jalan tareqat lagi pintu bagai segala tamannya yang indah. Ia adalah perkara yang menjadi titik tolak bagi suluk[24] para penempuh jalan dan syarat yang wajib atas tiap kembara.

Jika manusia mahu dekat dan berdamping kepada orang-orang besar dunia itu memestikan baginya untuk memiliki etika, moral dan peradaban yang tinggi serta meninggalkan segala perkara yang tidak bersesuaian dengan prestij orang-orang besar itu.

Maka adalah lebih utama bagi para kembara di jalan Al-Haq yang mendatangi ALLAH dengan hati mereka lagi menuntut hadrat musyahadahNya, mereka lebih utama untuk menghias diri dengan perhiasan akhlak yang paling indah serta memakai persalinan adab yang paling bagus untuk bertemu dengan Tuhan mereka ALLAH Subhanahu Wa

24 - perjalanan tarbiyyah.

Taala. Merekalah yang lebih patut untuk menyucikan roh dari segala yang dapat mengotorinya supaya roh mereka layak untuk menerima limpahan nur dan sirr dari Al-Haq Subhanahu wa Taala. Jika tidak demikian maka apakah patut permata-permata berharga diletak di tempat-tempat yang cemar.

Antara yang terpenting dan teragung dari adab-adab ini ialah menghormati makhluk ALLAH dan membesarkan mereka. Mereka yang menisbah diri kepada jalan tareqat khususnya kalangan ilmuan telah meringan-ringankan adab ini. Dapat kau lihat mereka memandang rendah kepada yang tidak sedarjat dengan mereka, mereka melihat diri mereka tidak dipertanggungjawab untuk beradab dengan sesiapa. Boleh jadi mereka sangka jika beradab dengan orang lain darjat mereka berkurangan.

Mereka menempatkan diri mereka di kedudukan yang tidak ALLAH berikan selain kepada para nabiNya. Mereka menghukumkan diri mereka bersih dari kejahilan, mereka anggap diri mereka tidakkan salah dalam memahami apa saja, mereka enggan terima jika dibantah orang dan mereka anggap bantahan itu sebagai perlanggaran terhadap kedudukan mereka.

Mereka menjahili bahawa maksud dari ilmu adalah seorang hamba mempelajari apa yang dapat membaikkannya dalam berurusan dengan Tuhannya Subhanahu wa Taala. Mereka tidak tahu bahawa

urusan yang paling indah dilakukan kepada ALLAH ialah dengan beradab, menghormati dan membesarkan para makhlukNya. Kejahilan dan ketidaktahuan mereka itu merupakan kesesatan yang jauh.

Maka lazimlah ke atas murid untuk tidak merendahkan siapa pun manusia yang beriman dengan ALLAH dan RasulNya. Hendaklah si murid mentakzim dan menghormatinya sebagai mencontohi ALLAH Al-Haq Subhanahu wa Taala yang telah menjadikan manusia itu sebagai tempat bagi cahaya iman kepadaNya.

ALLAH telah memilih manusia itu menjadi sebahagian pengikut kekasihNya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ. Apabila si murid mentakzim manusia itu jadilah dia mentakzim ALLAH dan RasulNya, apabila si murid menghina manusia itu ertinya dia tidak peduli kehormatan ALLAH Taala dan hadrat RasulNya صَلَّى اللهُ عَلَيه وَسَلَّمَ dan itu juga bererti dirinya berani-berani melakukan apa yang mendatangkan kemurkaan ALLAH dan RasulNya.

Maka ayuhai murid, bagaimana dirimu mendatangi ALLAH sedang engkau memakai hal yang tidak disukaiNya? Bagaimana kau masuk ke lindungan hadratNya yang disucikan sedangkan engkau dikotori lumpur keburukan? Ayuhai kembara penuju ALLAH bagaimana kau lakukan apa yang mengundang murkanya sedang engkau berada di bendul pintuNya?

Bagaimana kau perbuat sesuatu yang mendatangkan marahNya padamu sedang engkau di hadapan gerbangNya? Bagaimana kau tempuhi jalan ALLAH yang Maha Membalas kejahatan lagi Maha Keras seksaNya sambil kau dokong beban kejahatan dan dosa? Tidak syak lagi bahawa yang demikian itu mewajibkan engkau dibuang dan dihalau. Pastinya ia kan menjadikanmu terhalang. Apabila Dia membalas kejahatanmu pastilah engkau kecewa dan tewas. Apabila Dia menghukummu pastilah engkau terpulau dan rugi.

Lalu hendaklah engkau wahai saudaraku mentakzim segala makhluk ALLAH dan menghormati mereka kerana sesungguhnya mereka itu dihargai ALLAH. Awaslah jangan sampai kau menghina-hina dan menyakiti mereka kerana yang demikian itu besar dosanya di sisi Tuhan. Hamba yang tidak baik adab dengan makhluk ALLAH maka patutlah baginya dijauh dan dihalau dari hadratNya. Siapa yang lemah dari beradab dengan yang serupa dengannya lalu bagaimana kan mampu dia untuk beradab dengan Tuhan yang Maha Kudus pada Kibriya' dan Jalal[25]Nya.

Maka wajiblah bagi seorang murid itu untuk tidak dilihat ALLAH Al-Haq Subhanahu wa Taala menghina mana-makhlukNya dan jahat adab dengan mereka kerana yang demikian itu merupakan petunjuk

25 - kebesaran.

kepada tidak layaknya dia masuk ke hadrat Ilahi.

Antara tipudaya syaitan yang diselitkan kepada banyak murid bagi merosak hati mereka ialah mereka mengira bahawa adab merupakan perkara yang hanya bersangkut pada luaran. Syaitan menambah lagi tipudayanya dengan menyelinapkan kepada mereka bahawa adab sopan hanya dituntut kepada sesama ikhwan dalam jalan tareqat sedangkan rukun adab dengan makhluk sebenarnya merupakan mu`amalat[26] kepada ALLAH Subhanahu wa Taala dan taqarrub[27] kepada hadratNya yang tinggi.

Dan bahawa ALLAH Subhanahu wa Taala itu hanya memandang kepada hati lagi Maha Alim segala yang ghaib. ALLAH Maha Tahu pengkhianatan mata dan apa yang sembunyi dalam dada. Dia Maha Menilik pada segala yang zahir dan yang ditutup. Demikianlah adab itu dituntut ke atas murid menunaikannya kepada semua makhluk ALLAH. Seperti wajibnya dia beradab dengan ikhwan begitu juga wajib dia beradab dengan selain mereka. Selain dari ikhwan walau tidak punya hubungan persaudaraan yang khas namun hubungan ukhuwwah dengan mereka itu agung kedudukannya lagi teguh rukunnya. ALLAH Subhanahu wa Taala sendiri yang telah mengikat ukhuwwah itu dalam kitabNya yang mulia. Maka siapa yang meremehkannya dia telah mendedahkan

26 - pergaulan dan interaksi.
27 - dampingan.

dirinya kepada bencana, menjerumusnya ke gaung kehinaan dan balasan seksa.

Wajiblah keatas murid menjauh diri dari perkara remeh-temeh dan hina-dina. Hendaklah dia menghindari ehwal yang rendah dan keji. Lihatlah betapa para penuntut dunia tingkat tinggi bagaimana mereka menjauhkan diri dari perkara-perkara yang tidak berprestij dan tabiat yang tidak wibawa demi menjaga etika dan protokol yang melayakkan mereka duduk bergaul dengan para penguasa, raja-raja dan para pembesar dunia.

Tidak syak lagi bahawa insan yang mahu mendamping diri dan sampai kepada ALLAH Tuhan pemilik kemuliaan dan jabarut, Tuhan empunya segala kerajaan dan alam malakut lebih patut untuk menjauh diri dari segala ehwal yang rendah itu dan dia lebih sayugia meninggalkan segala yang tidak selayaknya dari perkataan dan perbuatan.

Lazimlah bagi si murid untuk berjiwa mulia dan tinggi hemah, besar maruah dan menjaga harga dirinya seperti dia menjaga kefardhuannya. Hendaklah dia jauh dari mengerumuni dunia, jauh dari melempar diri kepada ahli dunia lagi tidak menjenguk-jenguk kepada apa yang ada di tangan mereka. Sesungguhnya kemuliaan jalan tareqat ini dan tinggi kedudukannya membuat ia enggan dan tidak sudi kepada manusia yang mesra nafsunya kepada dunia.

Kerana yang demikian tadi selain keadaannya menuntut dunia dan menggantung hati kepadanya juga merupakan kerendahan yang tidak layak bagi penuntut dampingan ALLAH Taala yang menempuh jalan menuju hadrat musyahadahNya.

Dia yang menuntut ALLAH pada hakikatnya lebih mulia dari para penuntut dunia, dia sebenarnya lebih patut dikerumuni oleh mereka dan mereka lebih patut untuk menghina diri di sisinya. Jika dia melihat ahli dunia memuliakan diri dengan dunia mereka maka hendaklah kemuliaan dirinya dengan menuntut ALLAH Tuhannya dan keadaannya menempuh jalan menuju ALLAH adalah lebih tinggi dan lebih mulia. Meneguk minuman mengadap diri kepada ALLAH itu adalah lebih lazat dan lebih manis baginya.

Secara keseluruhan wajiblah bagi seorang murid memastikan dirinya mempunyai sifat-sifat yang paling mulia serta berakhlak dengan segala sikap dan norma yang terbaik. Sesungguhnya seorang murid itu apabila dia telah berjanji setia berpegang teguh dengan jalan tareqat jadilah :

- Segala gerakannya diaudit, segala lintasan jiwa dan diamnya dikira.
- Segala perkara yang mengarah kepada menuntut ALLAH Al-Haq Subhanahu wa Taala menjadi kemestian dan kewajibannya untuk bangkit mengerjakan.

- Segala perkara yang berlawanan dari menuju ALLAH menjadi kewajibannya untuk ditinggalkan dan kemestian untuk dijauhi.

Jika tidak begitu jadilah dia mendustai ALLAH dan Rasul صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ pada janji setianya untuk menempuh jalan tareqat ini. Jadilah dia zalim pada dakwaan dirinya sebagai ahli tareqat ini. Jadilah dia khianat kepada jalan tareqat dan para ahlinya kerana dia mempermain-mainkan tareqat selepas ahlinya memberi amanah untuk dia beramal serta menerimanya sebagai murid dan penuntut tareqat. Dengan itu dibimbangi dia akan terhalang dari mendapat buah-buah dampingan dan kebahagiaan lalu dihukum dengan seksa dihalau dan dijauhkan.

Kepada ALLAH yang Maha Alim, Maha Fattah, Maha Wahhab dipohonkan agar sudi Dia membuka kepada para penuntutNya pintu-pintu taufik dan hidayah. Sudilah kiranya Dia mengurniai hati mereka seni-seni kelembutan dan riayah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, Maha Dekat, Maha Berbudi dan maha menjawab permintaan. Segala puji bagi ALLAH di permulaan dan penghabisan. Selawat dan salam ke atas sumber madad dan kemuliaan Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ beserta seluruh keluarganya, sahabatnya dan para tabi`in sekalian.

Sudah selesailah risalah ini diterjemah pada tangan seorang faqir yang hina di Bait Sydna As-Syeikh Abdun Nasir Al-Hasani (Zawiyah As-Syaziliyyah Shah Alam) pada tanggal 2 Jamadilakhir1436H bersamaan 21 Februari 2015M dengan pujian kepada ALLAH Subhanahu wa Taala serta selawat salam ke hadrat Junjungan Mulia صَلَّى اللَّهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Inilah senaskhah buku yang pasti tidak jemu membacanya. Terkandung di dalamnya12 bahagian yang menceritakan perihal selok-belok jalan dan perjalanan menyucikan nafsu insan dan memurnikan akhlak.

ALLAH Subhanahu wa Taala telah menjadikan di setiap zaman pasti ada para imam, masyaikh kamil dan alim ulama' yang amilin. Merekalah para penyeru manusia ke jalan menuju ALLAH. Merekalah penggalak umat untuk mendatangi ALLAH Subhanahu wa Taala. Merekalah membangkitkan semangat dalam hati insan untuk tawajjuh kepada ALLAH dan menjauhi segala apa yang menjadi penghalang hubungan kepada ALLAH Azza wa Jalla. Mereka menyemaikan ke dalam hati semangat cintakan ALLAH dan RasulNya. Mereka menyemarakkan rasa rindu untuk berpegang teguh kepada tali agama yang kukuh dan tegap berdiri di atas perjalanan agamanya nan lurus. Demikianlah sehingga hati para penuntut bimbingan mereka tercelup dengan celupan warna dari ALLAH Taala dan lagi tercap pada roh mereka mahabbah ALLAH dan RasulNya.